

Headline	Jangan campur urusan dalaman Malaysia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Nov 2015	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	6	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 905	PR Value	RM 2,714



## Jangan campur urusan dalaman Malaysia

**SHAHALAM** - Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama tidak boleh campur tangan urusan dalaman negara termasuk isu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang terlibat siasatan firma pelaburan negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Md Shukri Shuib berkata, hubungan AS dengan Malaysia terbatas kepada isu ekonomi dan diplomatik.

"Perkara itu (isu 1MDB) tiada kena mengena dengan hubungan Malaysia dan AS. Secara hakikatnya sesiapa, termasuk Obama, tidak punya hak untuk bangkitkan perkara tersebut, terutama ketika berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Najib adalah pemimpin dipilih secara demokratik oleh rakyat. Segala masalah dalam negara harus diselesaikan sendiri tanpa bantuan pihak luar," katanya, semalam.

Beliau mengulas desakan peserta program Townhall bersama alumni Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (Yseali) di Kampus Taylor's University Lakeside yang mahu Obama membangkitkan isu ketelusan tadbir urus Najib.

Dalam program itu, Obama berjanji akan melakukannya dalam perbincangan dengan Najib.

Kata Shukri, rakyat seharusnya tidak meminta bantuan asing untuk menyelesaikan masalah dalaman negara kerana ia akan mencemarkan kedaulatan Perlembagaan negara.

"Saya cukup kecewa dengan mentaliti masyarakat dan pelajar sanggup meminta pertolongan negara luar terutama Obama, menunjukkan imej negatif negara," katanya.

Menurutnya, Malaysia ada institusi beraja yang boleh menegur Najib dan berkuasa lebih besar dari negara luar.